

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Cuti Panjang
Sidang Akademik 1997/98

April 1998

AAW311 - PERAKAUNAN KEWANGAN PERTENGAHAN I

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Soalan di Bahagian A adalah **WAJIB** dan jawab **SATU (1)** soalan dari Bahagian B.

Bahagian A - WAJIB

Soalan 1

Maju Berhad
Imbangan Duga pada 31/12/1996

	Dt RM	Kt RM
Akaun belum terima (peruntukan hutang ragu, RM5,000)	70,000	
Akaun belum bayar		30,000
Bank		10,000
Inventori	82,000	
Paten & tandaniaga	48,000	
Muhibbah	30,000	
Penyelidikan & pembangunan	40,000	
Harta, milik bebas (kos)	800,000	
Loji & mesin (kos)	650,000	
Peralatan (kos)	250,000	
Peruntukan susutnilai:		
Hartanah		200,000
Loji & mesin		150,000
Peralatan		50,000
Cukai tertunda		80,000

...2/-

AAW311

Cukai belum bayar	15,000	
10% debentur boleh ditukar		120,000
Untung sebelum cukai bagi tahun		320,000
Akaun untung & rugi baki 1/1/1996		80,000
Saham biasa, RM1 setiap satu		700,000
14% saham keutamaan boleh tebus		200,000
Premium saham		100,000
Kutipan dari terbitan saham biasa		55,000
Bayaran bagi penebusan saham keutamaan	110,000	
	<u>2,095,000</u>	<u>2,095,000</u>
	=====	=====

Maklumat tambahan:

(a) Nilai realis bersih inventori akhir ialah RM70,000.

(b) Untung sebelum cukai adalah selepas ditolak:

Dividen saham keutamaan: separuh tahun

Dividen saham biasa: 6%

Pelunasan atas nilai buku

 Paten 20%, muhibbah 25% dan penyelidikan & pembangunan 50%

Susutnilai ke atas:

 Hartanah RM40,000, loji RM65,000 dan peralatan RM25,000

Faedah debentur bagi tahun ini.

(c) Peruntukan perlu dibuat bagi:

Anggaran caj cukai bagi tahun ialah RM70,000 dan dipindah kepada cukai tertunda ialah RM50,000. Peruntukan cukai bagi tahun lepas telah kurang diperuntukkan sebanyak RM15,000. Kadar cukai ialah 30%. Yuran juruaudit ialah RM10,000. Dividen dicadangkan atas saham biasa ialah 5%. Baki dividen keutamaan perlu diperuntukkan. Saham biasa baru yang telah dikeluarkan sepanjang tahun tidak berhak menerima dividen bagi tahun ini.

(d) Pada 31/12/1996, debentur telah ditukar kepada saham biasa pada kadar 100 saham biasa bagi setiap RM120 debentur.

(e) Hartanah telah dinilai semula kepada RM1 juta pada 31/12/1996 dan pihak pengarah bersetuju mengambilkira nilai ini ke dalam akaun.

...3/-

- (f) Seorang pekerja telah cedera semasa menjalankan tugas rasmi. Beliau telah membuat tuntutan atas kecederaan dari syarikat sebanyak RM100,000. Perlindungan insuran tidak diambil oleh syarikat dan mengikut pendapat peguam, syarikat mungkin kalah dalam kes ini. Tiada sebarang peruntukan telah dibuat oleh syarikat berhubung dengan kes ini. Jabatan Cukai akan membenarkan butiran ini sebagai belanja yang boleh ditolak dari cukai syarikat.
- (g) Pada 15/1/1997, seorang penghutang syarikat yang berhutang RM20,000 telah melarikan diri ke luar negeri dan hutang beliau tidak mungkin dapat dikutip.
- (h) Pada 31/12/1996, saham keutamaan telah ditebus pada premium 10% dan 50,000 saham biasa telah dikeluarkan bagi tujuan penebusan ini.
- Premium atas penebusan harus dihapuskan dari premium saham.
- (i) Syarikat mempunyai 100,000 waran saham yang belum ditukar kepada saham biasa pada 31/12/1996. Faedah pinjaman ialah 7% setahun.
- (j) Banjir telah menyebabkan kerosakan sebuah gudang syarikat. Ini telah mengakibatkan kerugian yang tidak dilindungi insuran sebanyak RM0.5 juta (selepas ditolak cukai).

Dikehendaki:

- (i) Sediakan penyata kewangan dalam bentuk yang sesuai diterbitkan.
- (ii) Kirakan nisbah-nisbah perakaunan bagi Petro Bhd.
- (1) Nisbah hutang.
 - (2) Nisbah pusinganti aset.
 - (3) Nisbah pulang atas ekuiti.
 - (4) Nisbah untung.
 - (5) Perolehan per syer asas.
 - (6) Perolehan per syer tercair habis.
 - (7) Nisbah harga perolehan (price-earnings ratio).
 - (8) Pulangan dividen (dividend yield).

Andaikan harga pasaran Petro Bhd. pada tahun 1996 ialah di antara RM3.00 sehingga RM6.00.

...4/-

- (c) Apakah penghadan penggunaan nisbah perakaunan untuk menilai prestasi syarikat?

[50 markah]

Soalan 2

Asas penilaian bagi inventori MSC Berhad ialah kos atau nilai realis bersih yang mana lebih rendah. Kos ditentukan secara masuk dulu, keluar dulu (MDKD). Ali Berhad menjual barangannya pada harga tetap pada 50% lebih tinggi daripada harga belian. Belanja jualan ialah RM2.00 seunit.

Pengiraan inventori secara fizikal pada 31 Disember 1996 menunjukkan bahawa 500 unit inventori masih belum dijual dan 100 unit barangan yang telah dibeli pada 1 September 1996 telah mengalami sedikit kerosakkan akibat kebakaran. (Barangan tersebut telah dijual pada bulan Februari 1997 pada RM10.00 seunit).

Inventori awal pada 1 Januari 1996 terdiri daripada 400 unit dengan harga belian RM1.00 seunit. Belian sepanjang tahun 1996 ialah seperti berikut:

1.3.96	500 unit pada RM11.00 seunit
1.6.96	400 unit pada RM11.50 seunit
1.9.96	400 unit pada RM12.00 seunit
1.12.96	300 unit pada RM12.50 seunit

Selain dari harga belian di atas, MSC Berhad melibatkan kos pengangkutan masuk RM1.00 seunit dan kos simpanan bulanan ialah RM1.00 seunit.

Dikehendaki:

- (a) Tentukan nilai inventori pada 31.12.96 yang memenuhi keperluan Piawai Perakaunan Antarabangsa No.2.
- (b) Bagaimanakah maklumat berhubung dengan inventori akhir akan ditunjukkan di penyata kewangan MSC Berhad.

[15 markah]

...5/-

Soalan 3

- (a) Apakah perbezaan di antara rizab boleh diagih dan rizab tak boleh diagih. Beri contoh.
- (b) Kenalpasti bagaimanakah rizab boleh diagih dan rizab tak boleh diagih boleh timbul?
- (c) Apakah kegunaan setiap rizab di (a) di atas.

[15 markah]

Bahagian B

Pilih dan jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

Soalan 4

Tulis nota ringkas tentang (pilih lapan sahaja):

- (a) prinsip perakaunan diterima umum di Malaysia.
- (b) perolehan per syer tercair habis.
- (c) kematanan.
- (d) kejadian yang perlu pelarasan (adjusting events).
- (e) kegunaan premium saham.
- (f) perbelanjaan modal.
- (g) waran.
- (h) terbitan hak.
- (i) liabiliti kontinjen.
- (j) operasi dihentikan.

...6/-

- (k) perbelanjaan selepas (subsequent expenditure) berhubung dengan IAS16 (harta, loji dan peralatan).

[20 markah]

Soalan 5

- (a) Jelaskan muhibbah mengikut Piawai Perakaunan Malaysia No.6?
- (b) Bagaimanakah muhibbah dibeli positif dan muhibbah dibeli negatif boleh wujud? Beri contoh.
- (c) Apakah penyelesaian perakaunan (di penyata kewangan) bagi tahun berakhir 31 Disember 1997 dan kesannya ke atas Jaya Berhad tentang:
- (i) muhibbah dibeli positif sebanyak RM100 juta pada 1.1.97.
 - (ii) muhibbah dibeli negatif sebanyak RM0.5 juta pada 1.1.97.

[20 markah]

---ooo000ooo---